

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2005/2006

April-Mei 2006

**RLD 508 – Penilaian Impak Alam Persekitaran**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

...2/-

- 2 -

1. Takrifkan maksud pembangunan mampan. Menggunakan contoh negara ataupun wilayah (Bandar dan kawasan luar Bandar), bincangkan prinsip dan garis panduan pembangunan mampan yang perlu digubal untuk mencapai wawasan pembangunan tersebut.  

(25 markah )
2. Pertumbuhan ekonomi tidak semestinya akan menjejaskan pembangunan alam sekitar. Bincangkan kenyataan tersebut menggunakan contoh pembangunan negara Malaysia.  

(25 markah)
3. Dalam Penilaian Impak Alam Sekitar komponen sosio-ekonomi merupakan bahagian yang penting untuk dinilai. Bincangkan apakah yang dimaksudkan dengan impak sosio-ekonomi dan huraikan komponen sosio-ekonomi yang berkaitan dengan impak sesuatu pembangunan.  

(25 Markah)
4. Bincangkan isu dan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan Penilaian Impak Alam Sekitar di Malaysia yang termaktub dalam Akta Alam Sekitar 1974 dan Pindaan-Pindaannya pada 1985, dan 1996.  

(25 Markah )
5. Bincangkan peranan pakar landskap dalam penyediaan laporan Penilaian Impak Alam Sekitar dan huraikan proses yang diambil kira dalam penyediaan laporan impak alam sekitar.  

(25 markah )
6. Bincangkan peranan dan fungsi penilaian Impak Alam Sekitar dalam proses perancangan dan pengurusan. Huraikan bilakah tahap yang sesuai Penilaian Impak Alam Sekitar dilaksanakan.  

(25 markah)

-ooo O ooo-